



KERAJAAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PENGALIHAN DAN PEMASANGAN
SEMULA UTILITI DALAM PELAKSANAAN
PROGRAM DAN PROJEK KERAJAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2016**

Unit Penyelarasan Pelaksanaan

Jabatan Perdana Menteri

01 Januari 2016

**GARIS PANDUAN PENGALIHAN DAN PEMASANGAN SEMULA UTILITI
DALAM PELAKSANAAN PROGRAM DAN
PROJEK KERAJAAN BILANGAN 1 TAHUN 2016**

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung skop pematuhan, kaedah pembiayaan, kaedah pelaksanaan dan pemakaian prosedur kerja terkini bagi kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti di semua tapak projek di dalam rizab Persekutuan dan Negeri yang terlibat.
2. Garis Panduan ini juga bertujuan menggantikan Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Kemudahan Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bil. 2 Tahun 2010 yang dikeluarkan pada 1 November 2010.

LATAR BELAKANG

3. Pelaksanaan projek-projek RMKe-10 telah menunjukkan peningkatan kos yang ketara disebabkan oleh kos pengalihan utiliti dan pemasangan semula utiliti yang ditanggung oleh Kerajaan ekoran daripada pemakaian Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Kemudahan Utiliti Dalam Pelaksanaan Program Dan Projek Kerajaan Bil. 2 Tahun 2010 tersebut.

Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti yang diguna pakai dalam RMKe-10 menetapkan bahawa kos pengalihan dan pemasangan semula dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. Penetapan ini bertujuan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ekoran berlakunya kelewatan pelaksanaan projek berikutan kelewatan pengalihan utiliti kerana syarikat utiliti tidak menyediakan peruntukan untuk pengalihan projek terlibat. Oleh itu, garis panduan yang menetapkan Kerajaan membayar kos pengalihan utiliti diperkenalkan dalam RMKe-10.

Walau bagaimanapun setelah 5 tahun kaedah baru ini diguna pakai, adalah didapati pelaksanaan projek masih menghadapi kelewatan. Selain daripada itu, Kerajaan terpaksa menanggung kos pengalihan dan pemasangan semula utiliti yang semakin tinggi. Sehubungan itu, satu garis panduan baharu yang lebih sesuai adalah diperlukan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan sedia ada.

Garis Panduan ini akan menggantikan Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Kemudahan Utiliti Dalam Pelaksanaan Program Dan Projek Kerajaan Bil. 2 Tahun 2010 yang telah tamat tempoh kuatkuasa apabila RMKe-10 berakhir.

SKOP PEMATUHAN

4. Skop yang dimaksudkan dalam Garis Panduan ini adalah kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula semua jenis utiliti yang terlibat dalam pelaksanaan program dan projek Kerajaan yang terletak dalam kawasan rizab Persekutuan dan Negeri seperti rizab jalan, sungai, terusan, landasan keretapi, rizab jalan Pihak Berkuasa Tempatan dan tanah persendirian termasuk kawasan izin lalu (*wayleave*).

5. Kemudahan utiliti dalam rizab Persekutuan dan Negeri merangkumi utiliti-utiliti di bawah tanah/ di permukaan tanah seperti berikut:
- (i) tiang, kabel dan sistem elektrik;
 - (ii) tiang, kabel dan sistem telekomunikasi;
 - (iii) saluran gas;
 - (iv) sistem pengagihan air; dan
 - (v) sistem pembetulan.

KAEDAH PEMBIAYAAN

6. Pemakaian Garis Panduan baharu ini adalah bagi pelaksanaan semua projek RMKe-11 (baharu dan sambungan) seperti yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan/ atau Negeri di mana kos pengalihan dan pemasangan semula utiliti seperti yang dinyatakan di perenggan 5 adalah seperti berikut:
- (i) bagi projek-projek Kerajaan yang terlibat dengan kawasan rizab jalan Persekutuan, rizab jalan Negeri dan rizab sungai, kos pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti yang terdapat di rizab-rizab tersebut ditanggung oleh syarikat utiliti berkenaan;
 - (ii) bagi projek-projek Kerajaan yang terlibat dengan kawasan selainnya termasuk tanah persendirian, rizab jalan Pihak Berkuasa Tempatan, landasan atau rizab-rizab lain, kos pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti yang terdapat di kawasan tersebut hendaklah berpandukan kepada perkiraan yang dibuat di antara tuan tanah atau

penjaga rizab yang dikenakan dengan syarikat utiliti atau keputusan Pihak Berkuasa Negeri yang dibuat menurut undang-undang yang berkuatkuasa;

- (iii) bagi projek RMKe-11 sambungan, kos baki kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti selepas 31 Disember 2015 akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat utiliti; dan
- (iv) penetapan kos bagi pengalihan dan pemasangan utiliti seperti perenggan (i), (ii) dan (iii) di atas adalah dikecualikan terhadap:
 - a) agensi/ syarikat bekalan air negeri yang melaksanakan sistem pengagihan air; dan
 - b) syarikat yang melaksanakan sistem pembedung yang mana kos kedua-dua kerja tersebut akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan/ Negeri.

7. Kos pengalihan dan pemasangan semula kemudahan sistem pengagihan air dan sistem pembedung yang dibenarkan hanyalah bagi kerja yang melibatkan skop kerja dan spesifikasi asal (seperti di tapak, 1:1 - *one to one*). Sebarang keperluan untuk menaiktaraf kemudahan yang sedia ada ekoran penggunaan teknologi baru atau kepada yang lebih baik perlu ditanggung oleh syarikat sistem pengagihan air dan sistem pembedung berkenaan. Sebarang pertambahan kos bagi kerja yang berbeza atau menyimpang daripada skop kerja dan spesifikasi asal kontrak adalah di bawah tanggungan syarikat-syarikat sistem pengagihan air dan sistem pembedung berkenaan.

KAEDAH PELAKSANAAN

8. Pemilik program dan projek Kerajaan perlulah menghubungi syarikat utiliti untuk mendapatkan persetujuan dan pengesahan skop kerja awalan dan anggaran kos yang diperlukan di peringkat perancangan bagi tujuan penyediaan ringkasan projek. Data yang lengkap perlu dikemukakan oleh syarikat utiliti bagi membolehkan reka bentuk yang tepat dapat disediakan.
9. Kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti yang berkenaan akan dilaksanakan oleh kontraktor utama melalui Wang Peruntukan Sementara (*Provisional Sum*) atau Kerja Binaan (*Builder's Work*) yang disediakan di dalam kontrak dengan mematuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) melantik Jurukur Tanah Bertauliah dan berdaftar dengan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia bagi melaksanakan pemetaan utiliti (*utility mapping*) dan menyediakan peta utiliti (*utility map*) yang lengkap, tepat dan terkini;
 - (ii) melantik perunding yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia untuk menyediakan rekabentuk yang disahkan oleh syarikat utiliti, senarai kuantiti (*bill of quantities*) dan dokumen kontrak yang berkaitan bagi kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti;
 - (iii) melantik subkontraktor yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang relevan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU);

- (iv) subkontraktor yang dilantik hendaklah berdaftar dengan syarikat utiliti yang berkenaan dalam bidang yang diperlukan dan pendaftaran subkontraktor tersebut hendaklah masih berkuatkuasa; dan
 - (v) memaklumkan Penguasa Projek dan syarikat utiliti berkaitan atas pelantikan subkontraktor yang dilantik.
10. Setelah kerja-kerja disahkan penyiapannya oleh Penguasa Projek, *as-built drawing (hardcopy & softcopy)* yang disediakan oleh Jurukur Tanah Bertauliah hendaklah dikemukakan kepada pemilik utiliti, pemilik projek dan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi tujuan rekod.
11. Kos sebenar pengalihan dan pemasangan semula utiliti akan dibiayai terlebih dahulu menggunakan peruntukan Kerajaan. Setelah kos dimuktamadkan, tuntutan semula perlu dikemukakan oleh agensi pelaksana kepada syarikat-syarikat utiliti. Kos ini hendaklah dituntut daripada syarikat utiliti berkenaan selewat-lewatnya enam (6) bulan selepas siap kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti tersebut. Satu bil akan dikemukakan kepada pihak syarikat utiliti berkenaan dan selanjutnya pihak syarikat utiliti berkenaan hendaklah membuat bayaran **kepada Akaun Hasil Kerajaan** dalam tempoh 1 bulan selepas menerima bil berkenaan. Bayaran balik yang diterima daripada syarikat utiliti hendaklah diakaunkan atas nama Ketua Akauntan Kementerian/ Bendahari Negeri masing-masing selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 13 Tahun 2014 iaitu Tatacara Perakaunan Terimaan Kerajaan Persekutuan. Pengendalian terimaan adalah berdasarkan dua situasi berikut :
- i) Bayaran balik perbelanjaan diterima dalam tahun semasa perlu dimasukkan kembali ke dalam vot projek; atau

- ii) Bayaran balik bagi tahun-tahun yang lalu yang diterima dalam tahun semasa perlu dimasukkan ke Kod Objek AM 80000 (Pelbagai Terimaan) iaitu dicaj ke Kod Objek sebagai (OS) 81101 (Terimaan Balik Bayaran Tahun - tahun Lalu).
12. Kos sebenar pengalihan dan pemasangan semula utiliti tersebut adalah merangkumi perkara-perkara berikut:
- (i) kos perancangan;
 - (ii) kos rekabentuk;
 - (iii) kos pembinaan/pengalihan serta pemasangan semula; dan
 - (iv) kos penyeliaan di tapak.
13. Bagi pengalihan dan pemasangan semula utiliti untuk projek-projek Kerajaan, syarikat utiliti tidak dibenarkan mengenakan sebarang syarat-syarat tambahan seperti Jaminan Bank dan sebagainya.

PEMATUHAN TAMBAHAN

14. Bagi memastikan proses pengalihan dan pemasangan semula utiliti memberikan kesan yang minimum terutamanya terhadap kos dan tempoh pelaksanaan, syarikat-syarikat utiliti perlu mematuhi perkara-perkara berikut:
- (i) Pemasangan baru semua utiliti perlu mematuhi Arahan Teknik Jalan JKR dari segi kedalaman dan pemasangan dibuat di hujung sempadan rizab. Pematuhan ini dapat mengelakkan pengalihan semula semua utiliti yang ada apabila projek menaiktaraf dilaksanakan;

- (ii) Pemasangan utiliti dalam rizab sungai perlulah berpandukan kepada Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai yang dikeluarkan oleh JPS;
- (iii) Syarikat utiliti perlu melaksanakan pemetaan utiliti dan mempunyai data yang lengkap untuk utiliti masing-masing di sepanjang jajaran rizab Persekutuan/ Negeri; dan
- (iv) Semua aset utiliti yang ditinggalkan (*abandoned*) berikutan kerja pengalihan/ pemindahan tersebut yang dibiayai oleh Kerajaan akan menjadi hak milik Kerajaan.

PERTANYAAN

15. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan hendaklah dirujuk kepada:

- (i) **Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
[U.P.: Timbalan Ketua Pengarah (PTP)]**
- (ii) **Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 30, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
[U.P.: Pengarah Kanan Cawangan Jalan]**

PEMBATALAN

16. Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016, maka Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Kemudahan Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bil. 2 Tahun 2010 adalah dibatalkan.


TARIKH KUAT KUASA

17. Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2020 bagi tempoh RMKe-11.

PEMAKAIAN

18. Peraturan yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini terpakai bagi kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti yang terlibat dalam pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan dalam RMKe-11 sama ada yang baru ataupun sambungan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK SERI AHMAD ZAKI ANSORE BIN MOHD YUSOF

Ketua Pengarah

Unit Penyelarasan Pelaksanaan

Jabatan Perdana Menteri

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri